



**TEKS UCAPAN YAB MENTERI BESAR PERLIS
SEMPENA KONVENSYEN MASJID MASJID
NEGERI PERLIS TAHUN 2023**

7 SEPTEMBER 2023 / 21 SAFAR 1445H (KHAMIS)

12.00 TENGAHARI

DEWAN WARISAN KANGAR

Bismillahir rahmanir rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera

SALAM PERLIS. “RAJA BERDAULAT, RAKYAT BERILMU, NEGERI SEJAHTERA, PERLIS MAJU”

Mengadap,

Duli Yang Teramat Mulia, Raja Muda Perlis, Tuanku Syed Faizuddin Putra Ibni Tuanku Syed Sirajuddin Jamalullail,

Ampun Tuanku,

Patik mewakili Kerajaan Negeri Perlis dengan penuh hormat dan takzimnya, merafak sembah, menjunjung setinggi-tinggi kasih atas limpah perkenan Duli Yang Teramat Mulia Tuanku Raja Muda berangkat ke majlis pada hari ini.

Sesungguhnya keberangkatan Duli Yang Teramat Mulia Tuanku Raja Muda akan menambahkan lagi seri majlis pada hari ini.

Ampun Tuanku,

Patik pohon ampuni limpah perkenan Duli Yang Teramat Mulia Tuanku Raja Muda untuk patik meneruskan ucapan kepada hadirin- hadirat yang hadir pada hari ini.

Ampun Tuanku

**Yang Berhormat Tuan Rus'sele bin Eizan,
Speaker Dewan Undangan Negeri Perlis**

**Yang Berhormat Dato' Yusran Shah bin Mohd Yusof,
Setiausaha Kerajaan Negeri**

**Yang Berhormat Tuan Muhammad Azmir Bin Azizan,
Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Agama Islam,
merangkap AMMK.**

**Yang Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri,
Ahli-Ahli Yang Berhormat,**

**Yang Berbahagia Sahibus Samahah Prof. Dato' Arif
Perkasa, Dr. Asri bin Zainul Abidin, Mufti Negeri Perlis**

**Yang Berusaha Tuan Haji Kamaldin Bin Mohd Damin,
Timbalan Pengarah Kanan, Bahagian Dakwah JAKIM**

Yang Berusaha Pegawai-Pegawai Masjid

**Ketua-ketua jabatan; dif-dif jemputan dalam dan luar negara
Hadirin dan hadirat sekalian.**

1. **Alhamdulillah**, pertama dan selamanya marilah sama-sama kita bersyukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin dan inayahNya, **kita dapat** bersama-sama berhimpun pada hari ini dalam **Konvensyen Masjid-Masjid Negeri Perlis Tahun 2023**.

2. **Tahniah** dan syabas saya ucapkan kepada penganjur utama iaitu JAIPs, MAIPs dan Jam'iyah Pegawai-Pegawai Masjid Negeri Perlis serta seluruh warga kerja serta agensi-agensi Kerajaan Negeri yang telah bertungkus lumus dalam menjayakan konvensyen pada kali ini.

Hadirin dan hadirat sekalian

3. **Masjid** merupakan bangunan yang paling penting sebagai mercu tanda agama Islam dan tempat ibadat kepada rukun Islam yang kedua iaitu solat yang dianggap sebagai tiang seri agama. **Justeru**, masjid merupakan waqaf bagi Allah SWT yang tidak dimiliki oleh sesiapaapun dan ia mestilah diimarahkan oleh umat Islam secara bersama.

4. **Firman Allah SWT** dalam surah at-Taubah ayat 18 yang bermaksud:

"Hanyasanya yang layak memakmurkan (menghidupkan) masjid-masjid Allah itu ialah orang-orang yang beriman kepada Allah dan hari akhirat serta mendirikan solat, menunaikan zakat dan tidak takut melainkan hanya kepada Allah, (dengan adanya sifat-sifat yang tersebut) maka adalah diharapkan mereka menjadi golongan yang mendapat petunjuk".

5. **Mengimarahkan** masjid bererti menghidupkan fungsi utama masjid untuk melaksanakan ibadah di dalamnya dalam rangka meraih keredhaan-Nya. **Antaranya** seperti melaksanakan solat, berzikir kepada Allah SWT dan mempelajari ilmu agama.
6. **Masjid** juga merupakan tempat pertemuan umat Islam mencari titik persamaan dan perpaduan serta mencari keredhaan dan keberkatan daripada Allah SWT. **Malah** masjid ini sepatutnya menjadi medan utama dalam penyebaran dakwah yang bukan sahaja kepada umat Islam tetapi juga kepada bukan Islam.
7. **Memakmurkan** masjid juga ialah dengan selalu menghidupkan jamaahnya dalam pelbagai aktiviti selain solat berjamaah. **Setiap** ruang di masjid wajib dipelihara dan membersihkan serta memperbaikinya jika berlaku kerosakan. **Justeru**, pihak Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Perlis (JAIPs) melalui kerjasama dengan jabatan atau agensi-agensi lain hendaklah sentiasa berusaha menaiktaraf masjid-masjid di negeri Perlis ini mengikut ketetapan yang telah ditetapkan.

8. **Saya** mewakili Kerajaan Negeri berjanji akan terus komited dan sentiasa menyokong agenda pengimarahannya dan pemakmuran masjid, **terutamanya** dari segi penyelenggaraan dan penambahbaikan bagi memastikan agenda pengurusan, pengimarahannya dan kemudahan prasarana masjid sentiasa diperkasakan.
9. **Agenda** pemeraksanaan dan pengimarahannya masjid mestilah diteruskan dengan lebih efisien dan aktif tanpa ada istilah berhenti **atau berehat** bagi merealisasikan keunggulan masyarakat negeri ini dengan berpegang erat dengan Al-Quran dan Sunnah Rasulullah SAW.
10. **Akhir kata**, kempen-kempen kesedaran terhadap masyarakat agar hadir ke masjid untuk solat berjamaah dan menyertai program-program yang dianjurkan oleh pihak masjid hendaklah digiatkan dengan berterusan. **InsyaAllah**. Mudah mudahan dengan pembangunan yang mantap dari segi rohani, intelektual dan fizikal dalam masjid menjadi pemangkin kepada penyebaran Islam di seluruh negeri kita ini.

Ampun Tuanku,

Demikianlah sembah ucapan patik.

Sekali lagi patik merafak sembah, menjunjung setinggi-tinggi kasih atas limpah perkenan Duli Yang Teramat Mulia Tuanku Raja Muda berangkat ke majlis pada hari ini.

Sekian, wabillahitaufik wal hidayah wassalamu alaikum wrtbh.

Menjunjung Kasih Tuanku,

Ampun Tuanku.